

04/11/1998

Menilai kewibawaan, kejujuran media asing

Mustafa Albakri; Bakhari Ariff

PADA Mei 1969 kekacauan kaum di Kuala Lumpur menarik perhatian dunia. Kerajaan yang bimbang laporan media memburukkan lagi krisis itu, mengisytiharkan darurat dan mengharamkan penerbitan semua akhbar. Bayangkan, bagaimana keadaan negara tanpa akhbar ketika anda menghadap sarapan pagi.

Leslie Hoffman yang ketika itu Ketua Pengarang Straits Times (kini New Straits Times) membantah sekeras-kerasnya tindakan itu. Kerajaan tidak berganjak daripada keputusan itu dengan alasan bahawa ia wajar dilakukan berikutan laporan sensasi media asing mengenai peristiwa berdarah itu.

Pada hari kedua pengharaman itu, Hoffman mengetuai delegasi pengarang menemui Menteri Penerangan ketika itu, Hamzah Abu Samah (kini Tan Sri). Beliau memberitahu menteri berkenaan bahawa kerajaan melakukan satu kesilapan untuk menyamakan media tempatan dengan media asing.

"Biar saya perjelaskan kepada tuan," kata Hoffman kepada Hamzah, "Perbezaan antara media asing dengan media tempatan ialah wartawan asing mengejar berita, tetapi wartawan tempatan mencari penyelesaian." Menurut Felix Abisheganaden, bekas pengarang berita Straits Times, ungkapan Hoffman itu menjadi tajuk berita utama media di seluruh dunia termasuk stesen televisyen BBC.

Dua hari kemudian, pengharaman akhbar ditarik balik dan akhbar tempatan memuatkan berita dan rencana yang berorientasikan mencari penyelesaian ke arah mengembalikan ketenteraman awam, keluhuran undang-undang, keharmonian kaum dan kestabilan politik. Pengarang Straits Times, Lee Siew Yee (kini Tan Sri) dilantik menganggotai Majlis Tindakan Negara (Mageran) yang mentadbir negara manakala Abisheganaden menganggotai Majlis Muhibah Negara.

Tidak lama selepas peristiwa berdarah di Kuala Lumpur tercetus, kapal terbang yang mendarat di lapangan terbang ibu kota memuntahkan berpuluh-puluh wartawan asing - bagaikan helang yang mahu menyambar bangkai. Apabila darah yang mengalir sudah kering, mereka meninggalkan negara ini tanpa memperhitungkan kesan laporan sensasi mereka.

Wartawan asing melaporkan peristiwa 13 Mei mengikut kaca mata dan nilai mereka - sebuah negara yang pesat membangun berkubur kerana Orang Asia tidak tahu mentadbir negara ini seperti orang putih. Menurut mereka, menerapkan nilai Asia dalam pentadbiran negara adalah langkah terkebelakang. Hanya nilai Barat yang wajar diterap dalam membangunkan negara ini, malah tunjuk ajar dan nasihat Barat perlu ditagih untuk membina semula runtuhannya berikutan peristiwa itu. Kenapa tidak, penjajah Inggeris menyerahkan kemerdekaan kepada Malaya dalam "dulang perak". Derek Davies, wartawan Far Eastern Economic Review (FEER) dalam laporannya selepas peristiwa 13 Mei mengakui bahawa media asing memberikan gambaran yang terlalu buruk mengenai keadaan di Kuala Lumpur - bagaikan padang jarak padang tekukur selepas dilanggar garuda.

Sebenarnya, peristiwa yang lebih penting untuk dilaporkan bagi tatapan dunia ialah bagaimana pemimpin negara ini mengubat luka dan membina semula runtuhannya itu. Wartawan asing tidak peduli apa yang berlaku dan peristiwa selepasnya. Mereka pergi ke negara lain yang sedang huru-hara dan kacau-bilau. Hari ini kita mendapati CNN yang berada di puncak kegemilangan ketika liputan Perang Teluk menutup beberapa pejabatnya di beberapa negara yang tiada lagi pertumpahan darah dan sudah kembali aman atas alasan tiada apa lagi yang boleh dilaporkan. Perdana Menteri ketiga, Allahyarham Tun

Hussein Onn pernah berkata wartawan asing melaporkan peristiwa dengan sebelah tangan memegang pen manakala sebelah lagi meneguk arak di bar di negara Dunia Ketiga.

Mengimbas kembali rentetan peristiwa kontroversi yang kita lalui, sebahagian besar media Barat tidak pernah memberi laporan adil dan saksama terhadap isu kontroversi di negara ini. Laporan yang disogokkan kepada masyarakat antarabangsa bukan saja tidak seimbang, malah tidak tepat. Mereka yang mendabik dada mempunyai kewibawaan memberikan gambaran bahawa negara ini sudah berpecah-belah ketika pemilihan pucuk pimpinan Umno pada 1987 apabila Tengku Razaleigh mencabar Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Presiden Umno.

Perbalahan antara Pemuda Umno dengan MCA serta DAP berhubung isu kenaikan pangkat lebih 100 guru bukan latihan Mandarin di sekolah jenis kebangsaan Cina pada 1987 digambarkan sebagai retak menanti belah dalam sebuah masyarakat majmuk yang maju. Penahanan 63 orang termasuk pembangkang, Barisan Nasional (BN), pertubuhan bukan kerajaan dan pendidik Cina mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dikatakan menamatkan demokrasi, apatah lagi apabila penerbitan beberapa akhbar diharamkan. Isu pindaan perlembagaan pada awal 1993 yang memperjelaskan kuasa raja-raja Melayu dan Yang di-Pertuan Agong dalam memberikan perkenan terhadap rang undang-undang ditakrif media Barat sebagai krisis Perlembagaan yang meruncing.

Sejak kebelakangan ini, media Barat memberikan liputan meluas terhadap gerakan reformasi yang mengadakan demonstrasi dan rusuhan. Rusuhan yang berlaku dipaparkan pada kaca televisyen sekadar percikan api kemarahan rakyat terhadap kepemimpinan kerajaan yang diramal akan menular bagai api dalam sekam. Selain media cetak, paling ketara CNN dan CNBC yang berat sebelah berulang kali menyiarkan rakaman tayangan mengenai tunjuk perasaan di ibu kota dengan menyamakan apa yang berlaku di Indonesia akan berlaku di negara ini.

Sebenarnya, rakyat di negara ini terutama di luar ibu kota membuat satu kesilapan besar jika mereka terpengaruh dengan liputan media Barat terutama CNN atau CNBC. Laporan dari New York baru-baru ini mendedahkan lebih separuh rakyat Amerika tidak mempercayai berita yang disiarkan media mereka kerana percaya wartawan menghadapi tekanan daripada pemilik media untuk mendapatkan berita sensasi dari seluruh dunia.

Kaji selidik dilakukan selepas penarikan balik penyiaran berita oleh CNN mengenai gas urat saraf (nerve gas) dan pemecatan wartawan akhbar Boston Globe (milik New York Times) dan majalah New Republic kerana memalsukan fakta. Penyelidikan itu yang dijalankan Pew Research Centre dan disiarkan majalah Newsweek, menyatakan 53 peratus responden mengkategorikan laporan berita media Amerika sebagai tidak tepat.

Penyelidikan itu juga mendedahkan, berbeza pada masa lalu, responden berasa lebih ramai wartawan Amerika dipengaruhi tekanan daripada pemilik media (77 peratus), wartawan lain (71 peratus) dan keinginan cepat kaya dan terkenal (70 peratus) berbanding membuat laporan yang adil dan saksama (33 peratus).

Seramai 61 peratus daripada responden menyedari penarikan balik berita gas beracun itu oleh CNN yang disifatkan pengasasnya, Ted Turner sebagai peristiwa paling buruk pernah menimpa dirinya. Pada 7 Jun lalu, CNN menyiarkan laporan palsu mengenai penggunaan gas beracun sarin oleh tentera Amerika untuk membunuh askarnya yang berpaling tadah di Vietnam. Fakta laporan itu tidak dapat disokong dengan bukti. Berikutan laporan palsu itu, CNN memecat penerbitnya dan menurunkan pangkat wartawan Peter Arnett yang terkenal kerana liputan Perang Teluk.

Laporan dari Washington 21 Oktober lalu pula oleh wakil media mempersoal kesahihan berita mengenai skandal Presiden Bill Clinton dan Monica

Lewinsky berasaskan sumber yang nama mereka tidak disiarkan. Khabar angin dan perbuahan melalui Internet yang belum dipastikan kesahihan faktanya turut dipetik oleh pemberita yang membuat liputan isu itu seakan-akan ia adalah fakta sah, menurut Jawatankuasa Wartawan Prihatin. Jawatankuasa itu dipengerusikan Bill Kovach, kurator Yayasan Nieman, Universiti Havard yang pernah menjadi pengarang The Atlanta Journal Constitution dan ketua biro New York Times di Washington.

Analisis komputer jawatankuasa itu mempersoal maklumat yang diperolehi secara tergesa-gesa, sumber `secondhand' (sumber pihak kedua) dan maklumat yang tidak menyeluruh. Wartawan juga dikatakan tidak kritikal terhadap maklumat yang disogokkan pihak berkepentingan. Bekas pengarang Washington Post, Benjamin Bradlee yang turut menganggotai jawatankuasa itu menekankan mengenai bahaya mengejar berita untuk disiarkan sebelum dipastikan kesahihannya berikutan tekanan persaingan sengit. Bradlee, yang dikenali kerana laporan Washington Post mengenai skandal Watergate yang menumbangkan Presiden Richard Nixon, berkata satu daripada kegagalan akhbar ialah apabila ia mencampuradukkan berita dan pandangan peribadi.

Di United Kingdom, The Independent baru-baru ini menyiarkan laporan mengenai kajian soal selidik di kalangan wakil rakyatnya yang majoriti meletakkan kewibawaan wartawan media Britain antara terendah di kalangan profesyen lain, kecuali lebih baik sedikit daripada kontraktor bangunan. Penyelidikan yang dijalankan di kalangan 167 wakil rakyat itu mendapati 77 peratus daripada responden menganggap nilai kewibawaan dan kejujuran wartawan Britain adalah rendah.

Jika beberapa penyelidikan yang dinyatakan boleh dijadikan ukuran, apakah kewibawaan media Barat untuk membuat analisis yang tepat, adil dan saksama mengenai keadaan di negara ini. Ini berbeza dengan media utama tempatan yang melihat berita sebagai wadah untuk kepentingan, bangsa dan negara, bukan setakat produk berita sebagai hasil jualan. Dengan demikian, tanggungjawab sosial diimbangkan dengan faktor ekonomi menjadikan dunia kewartawanan di negara lebih dihormati kebanyakan rakyat.

Label yang diberikan kepada media utama tempatan sebagai prokerajaan manakala media asing sebagai antiestablishment adalah perkara lumrah dalam alam kewartawanan negara. Begitupun, orang ramai masih diberi peluang membaca akhbar lain jika tidak berpuas hati dengan media tempatan. Setakat ini, kerajaan tidak mengharamkan pengedaran dan penjualan media asing, malah akhbar parti pembangkang dan majalah terbitan pertubuhan bukan kerajaan juga boleh dibaca mereka yang mahu melihat perbezaan pandangan supaya boleh membuat penilaian baik-buruknya.

Media utama tempatan lebih cenderung melihat perkara positif bagi menjamin ketenteraman dan keharmonian negara, manakala media asing lebih suka mendedahkan perkara buruk. Bagaimanapun, kedua-dua media asing dan tempatan menggunakan data relatif benar mengenai sesuatu perkara. Kecenderungan media asing menggunakan data mentah untuk ditafsirkan sesuai dengan kehendak mereka, kehendak untuk melaporkan sesuatu yang negatif seolah-olah perkara positif tidak ada 'nilai' berita. Laporan itu tentu sekali berat sebelah kerana pengamal media asing hanya melihat sesuatu perkara dari sudut negatif.

Bagaimanapun, kecenderungan televisyen kabel seperti CNN dan CNBC untuk memaparkan berita dari seluruh pelusuk dunia sebagai hiburan untuk melunakkan penontonnya melalui teknik penyuntingan bagi mencetuskan drama adalah satu perkembangan tidak sihat. "Kewartawanan yang meletakkan keutamaan paling tinggi untuk menghibur akan tergelincir landasannya hingga menyeleweng dan mengelirukan," kata Pengerusi dan Ketua Eksekutif Dow Jones, Peter R Kann, sambil menambah, "Hiburan yang bertopengkan kewartawanan amat berbahaya kerana ia mengabui kebenaran," katanya.

Menurut Dr Mahathir agensi berita antarabangsa perlu melaporkan fakta

yang benar dan bukan mereka-reka cerita untuk menjadi popular. Perdana Menteri berkata, agensi terbabit mengabaikan tanggungjawab kepada pelanggan jika mereka gagal melaporkan kebenaran. Pelanggan korporat mereka memerlukan maklumat sah untuk membuat keputusan. Warga korporat membaca akhbar dan menonton televisyen untuk mengetahui apa yang berlaku di seluruh dunia, katanya, sambil menambah, jika laporan yang mereka terima tidak betul, mereka mungkin membuat keputusan pelaburan yang salah.

Di tengah kepesatan teknologi yang membolehkan berita disalurkan ketika sesuatu peristiwa berlaku, media asing yang sememangnya berpengaruh perlu bertanggungjawab terhadap laporan mereka. Ini bermakna wartawan mereka perlu mendapatkan fakta yang tepat, menunjukkan kesungguhan mendapatkan fakta sah, bersikap adil dan saksama, sentiasa mencari kebenaran dan mengutamakan kebolehpercayaan. Mereka juga perlu jujur untuk mengakui kesilapan sama ada dari segi fakta, kesaksamaan dan kecenderungan. Media asing tidak boleh tergelincir daripada fungsi mereka sebagai penyampai maklumat kerana mereka bukan pejuang anti establishment, tidak boleh bersekongkol atau mengambil sikap memihak dan bukan hakim dalam sesuatu isu kontroversi di negara ini.

(END)